

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA) NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
ILMU SALAH YANG DIBAWA
OLEH TUAN HAJI KHAHAR BIN HAJI AHMAD JALAL**

1 . TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk membincangkan perkara berkenaan dengan ajaran salah yang dibawa oleh Tuan Haji Khahar bin Ahmad Jalal. Setiausaha Jawatankuasa telah membuat laporan lengkap mengenai ajaran ini.

Laporan adalah seperti berikut :

Mukaddimah

Pengajaran ilmu salah ini dipelopori oleh Tuan Haji Khahar bin Haji Ahmad Jalal yang berpusat di No. 44. Kg. Kemensah, Hulu Klang.

Pusat Pengajaran

Pusat Pengajaran ajaran ilmu salah ini adalah di rumah Hj. Khahar iaitu di No. 44, Kg. Kemensah, Hulu Klang. Masa yang tetap bagi pengajian ialah pada tiap-tiap hari Jumaat, Pada hari itu pengikut-pengikutnya mereka berkumpul dan mengadakan pengajaran agama seperti membaca buku-buku tafsir atau mendengar ceramah-ceramah dari ketua-ketua kumpulan dan mengadakan perbincangan antara mereka. Aktiviti ini adalah sebagai ganti bagi mereka menunaikan kewajipan sembahyang Jumaat.

Penyebaran pengajaran yang dibawanya terbuka luas kepada sesiapa yang ingin mengetahui dan di peringkat ini dia mengajar dengan menggunakan sebuah buku yang dikarang oleh beliau sendiri bertajuk

" AL-FURQAAN - PEMBEDA "

Karangan ini tanpa tiada mempunyai rujukan kepada mana-mana kitab yang muktabar dan didapati bahawa isi-isi kandungan buku tersebut adalah bertentangan dengan kehendak Islam yang sebenar.

PENGAKUAN BELIAU SENDIRI DALAM MENYEBARKAN ILMU SALAH

Antara perkara-perkara yang disebarikan mengenai ilmu salah ini ialah :

1. Dia mengaku dirinya sebagai Rasul atau "Utusan Allah". Dia mendakwa Rasul sentiasa ada di bumi untuk menyampaikan ilmu Allah.
2. Dia mengaku menerima wahyu daripada Allah yang diturunkan di Bukit Kemensah dan diturunkan dalam sepertimana dialami oleh Rasulullah S.A.W.
3. Sembahyang lima waktu adalah tidak wajib. Pada dia "sembahyang" itu memadai dengan membuat kebaikan dan menjauhkan dari perkara mungkar.
4. Dia tidak percayakan Al-Quran yang ada sekarang ini sebagai Al-Quran yang sebenarnya, Pada dia Al-Quran yang ada sekarang adalah sebagai catatan sahaja.
Al-Quran yang sebenarnya berada di atas langit iaitu di Luh Mahfuz.
5. Dia tidak percayakan Hadis. Pada dia hadis yang ada sekarang ini hanyalah rekaan manusia yang dibuat selepas wafat Rasulullah S.A.W.
6. Orang Islam tidak perlu mengerjakan haji ke Mekah. Ibadah haji boleh dibuat di mana-mana di bumi Allah. Pada dia pergi ke Mekah dan ke Arab Saudi hanyalah untuk melihat kesan-kesan sejarah Rasulullah sahaja.
7. Dia mendakwa ada mempunyai mukjizat. Mukjizat ini berlaku semasa beliau berada di Bukit Kemensah. Di peristiwa yang pertama, hari itu hari hujan tetapi dia tidak kena hujan. Di peristiwa yang kedua, pada hari panas tetapi dia tidak merasai panas.

**AJARAN SALAH YANG DIDAPATI DALAM BUKU FURQAN "PEMBEDA "
YANG DIKARANG OLEH HAJI KHAHAR BIN HAJI AHMAD JALAL**

Antaranya seperti berikut

1. **Muka surat 12.**

"Takrif apakah i tu Al-Quran"

" Al-Quran adalah pengetahuan Allah yang diturunkan melalui Malaikat Jibril kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki di antara hambanya "

2. **Muka surat 24**

" Apakah itu Rasul"

" Rasul adalah menyampaikan ayat-ayatnya yang diturunkan kepada Nabi-nabi seperti menjelaskan ayat-ayatnya yang terang ".

" Rasul adalah seorang lelaki di antara manusia dan Jin. Rasul menjelaskan ayat-ayatnya serta hikmah dan Al-Kitab ".

" Rasul memimpin kaumnya daripada kegelapan kekafiran kepada cahaya keimanan. Rasul tidak mengikut yang lain kecuali wahyu daripada Allah. Rasul-rasul tidak membezakan di antara rasul rasul dan nabi-nabi ".

" Rasul menyuruh menyembah Allah semata-mata. Dan tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu jua pun. Rasul diutus oleh Allah ke setiap negeri setiap bangsa. setiap kaum, setiap golongan, setiap zaman ".

" Rasul diutus oleh tuhannya menyampaikan ayat-ayatnya di dalam bahasa kaumnya sendiri "

3. **Muka surat 28.**

" Hukum-hukum terhadap RasuL (1) 5.2. Perintah Surah "

* Menghadirkan diri terhadap majlis Rasul.

* Merendahkan suara di hadapan Rasul.

* Menjadikan Rasul sebagai pemimpin umat.

* Menerima Rasul sebagai perutusan daripada Allah.

* Membenarkan Rasul menerima wahyu daripada Allah (Islam).

* Membenarkan Rasul-rasul sebagai agama Allah serta menyebarkan kepada umat dan kaumnya.

* Meminta izin terlebih dahulu daripada Rasul jika ada sesuatu urusan atau hal ketika berada di dalam majlis Rasul "

4. **Muka surat 29**

" Apakah itu Nabi "

- " Nabi menerima kitab daripada Allah iaitu Zabur, Taurat, Injil dan Al-Quran . Nabi adalah seorang manusia biasa yang diturunkan kepadanya sebuah kitab untuk seluruh manusia dan seluruh alam".
- " Nabi adalah orang yang mula-mula menerima petunjuk atau kitab Allah dan yang menjadi Rasul dan ada yang tidak menjadi Rasul ".
- " Nabi boleh menjadi Rasul, tetapi Rasul tidak boleh menjadi Nabi ".
- " Nabi adalah contoh dan saksi bagi Rasul-Rasul dan orang yang beriman ".
- " Nabi menjadi saksi kepada Rasul-rasul, sementara Rasul-Rasul menjadi saksi bagi kaumnya dan Allah menjadi saksi keseluruhannya "

5. **Muka surat 31**

" Apakah itu Hadis ".

- " Hadis adalah kisah seorang yang menceritakan oleh orang lain kepada seseorang, kemudian keterangannya tersebut dicatatkan oleh orang lain. Umpamanya kisah tentang kehidupan Nabi Muhammad iaitu cerita di atas cerita.

Keterangan tersebut bukanlah wahyu daripada Allah yang datang dari sisi Allah. ia adalah dari perkataan manusia biasa. Yang membuat keterangan tersebut iaitu perawi-perawi tentang diri Nabi Muhammad S.A.W. Perawi-perawi itu bukanlah terdiri daripada Nabi-nabi atau rasul-rasul yang dilantik oleh Allah.

Hadis bukanlah pengetahuan daripada Allah, ia adalah mengikut pandangan atau pendengaran seseorang atau satu-satu kebenaran yang datangnya daripada sangkaan akal manusia. Ia bukanlah firman Allah.

Hadis-hadis tersebut adalah yang sebenarnya datang daripada sangkaan satu angan-angan kosong ahli-ahli kitab yang terdahulu. Ia bukanlah benar-benar kebenaran yang diyakini seperti Al-Quran atau kitab-kitab Allah. Hadis-hadis kebanyakannya membuat keterangan palsu terhadap Nabi Muhamamad S.A.W. ".

6. **Muka surat 33**

- " Begitu juga kalau ditinjau dari semua sudut, hadis tersebut menimbulkan satu kesempitan atau kesusahan bagi
- " Hadis-hadis juga mempunyai kaedah-kaedah yang sempit, fanatik. ortodoks, ekstrim, radikal, hipokrit dan negatif "
- " Pengikut-pengikut Musa. Isa dan Muhammad telah tertipu dengan urusan agama mereka mengikut sangkaa dan angan-angan kosong ahli-ahli kitab "

Sesungguhnya yang memecah belahkan agama itu terdiri daripada pengikut-pengikut Rasul. Mereka mengucapkan sesuatu yang mereka ketahui, contohnya seperti Imam Syafie, Maliki. Hanafi dan Hambali. Mereka tidak sependapat di antara satu sama lain. Contoh lain, sewaktu menunaikan fardhu haji ke Mekah Mazhab Syafie tidak bersesuaian dengan tempat tersebut, mazhab ini lebih cenderung dan paling sesuai di negara kita sekarang ini.

Sementara mazhab syafis menjadikan semua perkara sunat, suatu perkara yang difardhukan. Bagi Imam Syafie pula, pembahagian daripada sebahagian adalah Sunat (disunatkan) .Contohnya mengambil wudhuk amat bertentangan sekali di antara kedua-dua pendapat tersebut, begitu juga ditinjau ibadat sembahyang, mempunyai pendapat yang berbeza. Contohnya, Imam Syafie mempunyai Usalli sedangkan Imam Maliki tidak dimulai dengan Usalli hanya dimulakan dengan Takbiratulihram.

7. **Muka surat 35**

- " Beberapa contoh hadis iaitu berhala yang disembah oleh kebanyakan manusia hari ini di antaranya Hadis Qudsi. Hadis Sahih. Hadis Mauduk. Hadis Dhaif, qias dan ijmak ulama' . Sementara contoh ulama' yang menjadi ikutan hingga hari ini oleh kebanyakan manusia ialah ulamak' musafirin. Ulama' Kafirin, ulama' musyirikin. Dalam keadaan begitu lahirlah berbagai-bagai tariqat di antaranya ijma' ulama' ahli sunnah wal jamaah. kadiriah, jibriah. muktazilah. samniah ahmadiyah. muhammadiyah. nas syabandi syiah, tabligh, arqam sunni dan taslim. Sementara kitab-kitab mereka terdiri daripada tauhid, fikah. tasauf. Tajul muluk. darul nafis, ya ulumuddin. kitab hakam clan berbagai-bagai lagi dan imam mereka pula ialah Syafie. Hanafi. Maliki, Hambali. Khomeinni, Mahdi. Bonjol dan Gulam Ahmad qadian".

8. **Muka surat 45**

" **8.13 Tasbih dan Doa Kesyukuran**
sewaktu sampai di Baitul Makmur "

" Sesungguhnya Allah, Dialah Maha Pemberi Rezeki yang mempunyai kekuatan lagi sangat kukuh. Sesungguhnya Dialah yang Maha melimpahkan kebaikan lagi Maha Penyayang ".

8. **Muka surat 52**

"9.5 (1) Istilah Solat "

" Istilah mendirikan solat di sisi Allah ialah mengembalikan diri kepada Allah iaitu tunduk patuh terhadap kebenaran dan petunjuknya serta perintah dan peraturan serta hukum-hukumnya untuk mengingatnya ".

10. **Muka surat 52**

" 9.5 (111) Istilah Zakat "

" Iaitu melakukan apa-apa sahaja perkara yang baik pada diri sendiri terhadap orang lain. kerana mencari keredhaan Allah ".

11. **Muka surat 54**

" Sesungguhnya sembahyang itu amat berat bagi kamu, kecuali orang-orang yang khusuk di antara kamu, jika ditinjau pada zaman ini kebaikan manusia tidak lagi menyembah Allah sebagaimana Nabi-nabi, Rasul-rasul dan orang-orang beriman yang telah lalu menyembahnya ".

12. **Muka surat 55**

" Begitu juga pengikut yang besar Nabi Muhammad S.A.W. tidak lagi mengikut sebagaimana baginda menyembah Allah serta beribadat kepadanya perkara tersebut amat ketara pada zaman ini, boleh dikatakan jelas di merata dunia sekarang ini ".

13. **Muka surat 56**

" 10.2 Istilah Kiblat Ke Baitullah

" Iaitu ertikata menyerah diri kepada Allah dengan hati yang suci murni memasuki agama Allah iaitu Islam"

14. **Muka surat 66**

" 10.29 Istilah telaga zam-zam

" Iaitu tentang akidah tauhid. dasar agama Allah orang-orang yang beriman tidak boleh menyekutukan Allah, rahmat dan rezeki serta petunjuk datang darinya ".

" 10.30 Istilah Iktikaf "

" Iaitu menghadirkan diri ke majlis rasul-rasul bagi mendengarkan ayat-ayat yang dibacakan terhadap mereka, semoga hati mereka menjadi tunduk serta mendapat petunjuk "

15. **Muka surat 68**

" KUMPULAN PANI'UN DUA KERAT UNTUK RENUNGAN "

Barang siapa mengikut hadis
Mudah sahaja disesatkan iblis.

Sesiapa mengikut Mazhab
Pasti ia ditimpa azab.

Sesiapa mengikut tariqat
Pasti terikat dan sesat.

Sesiapa mengikut Ijmak ulama'
Pasti terjebak dalam semak.

Sesiapa mengikut qias
Nanti harta dan bini kena rampas.

Sesiapa mengikut Ahli Sunnah Wal-Jamaah
Ia menjadi pendusta dan bid'ah

16. **Muka surat 69**

Sesiapa mengikut Imam Syafie
pasti ia menginaya diri.

Sesiapa mengikut Imam Hanafi
Pasti ia bersesat hati.

Sesiapa mengikut Imam Maliki
Jadilah ia seperti agama Yahudi.

Demikianlah kesalahan-kesalahan terdapat di dalam buku beliau "
Al-Furqan "

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai kesalahan-kesalahan tersebut dan dengan persetujuan semua ahli yang hadir jawatankuasa mengambil keputusan memfatwakan :

" Bahawasanya Haji Khahar bin Haji Ahmad Jalal telah membawa ajaran ilmu salah kerana telah menyeleweng daripada akidah dan hukum syariat Islamiyah yang sebenar dan telah membuat penghinaan kepada para ulama' yang muktabar "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 28 March 1991.

Keputusan Fatwa ini telah dipohon diwartakan dalam warta Kerajaan. Surat memohon warta kepada YB Penasihat Undang-Undang telahpun dibuat pada 20 June 1991 dengan bilangan (6) dlm. JAIS. 8014/7 Jilid I.